

Semak punca banjir kilat

Aliran air ke sungai terhalang penyebab ia bertakung di atas lebuh raya

NUR FARHANA ABDUL MANAN

PUCHONG – Semak yang memenuhi saliran longkang di tapak pembinaan stesen transit aliran ringan (LRT) didakwa menjadi punca banjir kilat di Kilometer 21.6 Lebuhraya Damansara Puchong (LDP), petang kelmarin.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Datuk Asmawi Kasbi berkata, kejadian itu adalah yang terburuk setakat ini selepas banjir serius dilaporkan berlaku pada 2006.

Menurutnya, kuantiti hujan luar biasa selain terdapat gangguan dari segi pengaliran air ke sungai menghalang air keluar dengan cepat dan menyebabkan ia bertakung di atas lebuh raya.

Beliau berkata, terdapat tiga outlet pengaliran air di bawah LDP dan salah satunya terletak berhampiran pusat beli-belah berkenaan.

“Pemerhatian mendapati, tumbuh-tumbuhan dalam parit menjadi penghalang air keluar ke sungai dengan cepat,” katanya.

Asmawi berkata, pihaknya sudah meminta Syarikat Prasarana Negara

Berhad (Prasarana) melalui syarikat dilantik untuk kerja membina LRT membantu MPSJ mengatasi masalah daripada berulang.

Katanya, bagi jangka masa pendek, pihak itu diminta membersihkan semua laluan longkang yang menghalang air ke sungai Klang.

Perbincangan turut diadakan bersama jabatan teknikal, pemaju dan konsesi lebuh raya supaya tindakan segera dilakukan.

Bagi jangka masa panjang pula Asmawi berkata, majlis menggesa konsesi lebuh raya mengkaji semula kemampuan laluan air di bawah lebuh raya.

“Sekiranya pembetung dibina tidak dapat menampung aliran air mungkin kita minta pihak itu kaji semula kemungkinan alternatif lain untuk atasi isu banjir dalam tempoh jangka panjang,” katanya.

Beliau menambah, tiada pampasan diberikan kepada pemilik kereta yang tenggelam dalam kejadian itu kerana banjir dikategorikan sebagai bencana alam.

Setakat ini katanya, tiada lagi pemilik yang membuat aduan dan



Wakil Litrak (tengah) menerangkan berhubung kejadian banjir kelmarin kepada Ronnie Liu (kiri), Asmawi, Gobind dan Teresa Kok sebelum sidang media, semalam.

memohon pampasan daripada pihaknya.

Ahli Parlimen Puchong, Gobind Singh Deo menggesa kajian menyeluruh dibuat termasuk meneliti sama ada saliran air sedia ada berjalan lancar atau sebaliknya.

Beliau berkata, adalah sesuatu

luar biasa banjir berlaku di atas lebuh raya dan percaya wujud punca lain termasuk reka bentuk laluan kerana air didapati bertakung di satu-satu tempat dan bukan keseluruhan jalan itu.

“Mungkin boleh cari jalan besarkan saliran air, saya juga minta pihak

itu kaji jika terdapat masalah reka bentuk yang menyebabkan air bertakung di satu-satu tempat sahaja,” katanya pada satu sidang media selepas meninjau punca kejadian banjir yang berlaku di Puchong, semalam.

Hadir sama pada sidang media itu, Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan Selangor, Ronnie Liu Thian Khew; wakil Kumpulan Lingkaran Trans Kota Sdn Bhd (Litrak) dan wakil pusat beli-belah IOI Mall.

Adun Kinrara, Teresa Kok Suh Sim pula meminta penduduk dan peniaga kedai makanan tidak membuang sampah di merata-rata tempat untuk mengelakkan saliran longkang tersumbat.

Semalam, *Sinar Harian* melaporkan lebih 150 kenderaan tenggelam dalam banjir kilat yang melanda Lebuhraya LDP berdekatan Bandar Puchong Jaya, petang kelmarin.

Kejadian bencana itu menyebabkan ruang tingkat bawah sebuah pusat beli-belah terkenal turut ditenggelami air dan kenderaan pengunjung yang diletakkan di tempat letak kereta tenggelam.